

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BERTULIS**  
**DARIPADA :** **YB. DATUK WEE JECK SENG**  
**KAWASAN :** **TANJONG PIAI**

**SOALAN:**

**YB. DATUK WEE JECK SENG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah jangka panjang menangani masalah jalan yang semakin sibuk dan sesak dari Pekan Nanas ke persimpangan Tol Kulai dan sangat merbahaya kepada penduduk dan khasnya pelajar sekolah yang terpaksa bersaing dengan kenderaan berat.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laluan dari Plaza Tol Kulai di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) ke pekan Nanas, Johor ialah berstatus Jalan Negeri iaitu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Johor. Laluan tersebut merujuk kepada Jalan Sawah, iaitu Jalan Negeri J165 dan J113. Walau bagaimanapun kementerian ini melalui JKR Negeri dan JKR Daerah Pontian bersedia membantu dari aspek nasihat teknikal dan pelaksanaan projek jika terdapat permohonan dari Kerajaan Negeri Johor.

Sekian. Terima kasih.